



JABATAN PERHUTANAN
SEmenanjung MALAYSIA

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JPSM



PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia serta izin-Nya, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) berjaya membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang bertujuan mengalakkan dan memudahkan warga JPSM untuk menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di JPSM. Polisi ini merupakan satu inisiatif untuk memastikan JPSM mempunyai mekanisma kawalan dalaman yang mantap, sistematik dan selari dengan undang-undang dalam usaha untuk membendung salah laku yang menyumbang kepada berlakunya ketirisan, pembaziran dan ketidakadilan sehingga menjaskan reputasi JPSM.

JPSM sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan dan tanggungjawab untuk menguruskan sumber hutan Negara dilaksanakan dengan integriti yang tinggi, berkesan dan cemerlang. JPSM menerapkan prinsip tidak berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewengan serta memastikan perkhidmatan adalah efisien dan bersih dari sebarang unsur salah laku.

Saya berharap Polisi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua warga kerja JPSM dan pihak yang berkepentingan dalam JPSM untuk tampil tanpa rasa gentar melaporkan apa jua perkara dan Kelakuan Tidak Wajar yang menyalahi undang-undang dan peraturan sedia ada supaya dapat diberi perlindungan sewajarnya tertakluk pada syarat yang telah dinyatakan dalam Polisi ini.

Sekian, terimakasih

YBHG. DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG
KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEmenanjung MALAYSIA



KATA-KATA ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Unit Integriti Perhutanan telah melaksanakan pelbagai program pengukuhan dan pembudayaan integriti dalam usaha memperkasa integriti di JPSM seperti Kempen Tanpa Hadiyah, Ikrar Bebas Rasuah, Program Mystery Shopping (Lawatan Mengejut), Integrity Testing dan Program Pemantapan Integriti. Penerbitan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini merupakan salah satu inisiatif pengukuhan integriti yang bertujuan untuk mengalakkan dan memudahkan warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk menyalur serta mendedahkan maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di JPSM serta melindungi pemberi maklumat atas pendedahan yang dibuat.

Polisi ini diwujudkan berpandukan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]. Ia dibangunkan bagi menggalakkan penyaluran maklumat berkaitan sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di kalangan warga JPSM secara dalaman sebelum mencari penyelesaian luar. Polisi ini memberi peluang kepada semua warga kerja JPSM, pelanggan, perunding, kontraktor, agensi atau mana-mana pihak lain (stakeholder) untuk mendedahkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar mengikut prosedur yang ditetapkan. Adalah diharapkan lebih ramai yang akan tampil untuk mendedahkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku dalam organisasi ini agar tindakan sewajarnya dapat diambil dalam usaha meningkatkan pembudayaan dan penghayatan integriti di JPSM. Ini selaras dengan Firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud:

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar mereka lah orang-orang yang beruntung"

Saya berharap agar polisi ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan pendedahan salah laku dilakukan secara bertanggungjawab dan tidak berniat jahat ataupun bersifat maklumat palsu.

Sekian, terimakasih

HISHAMMUDIN BIN MOHAMMED ESA
KETUA UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

ISI KANDUNGAN

**Perutusan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Kata-Kata Aluan Ketua Unit Integriti Perhutanan**

1.0	Pengenalan	1
2.0	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)	2
3.0	Objektif Polisi	3
4.0	Tafsiran	4
5.0	Pemakaian	5
6.0	Skop	6
7.0	Prosedur Menyalurkan Maklumat kepada Pegawai Penerima Maklumat	7
8.0	Tanggungjawab Unit Integriti	8
9.0	Siasatan Terhadap Kelakuan Tidak Wajar	9
10.0	Kategori Pemberi Maklumat	10
11.0	Elemen Utama Pemberi Maklumat	11
12.0	Kriteria Pemberi Maklumat yang Dilindungi	12
13.0	Perlindungan kepada Pemberi Maklumat	3
14.0	Jenis – jenis Perlindungan	14
15.0	Pembatalan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM	15
16.0	Siasatan Terhadap Tindakan yang Memudaratkan	16
17.0	Permohonan Remedii	17
18.0	Pematuhan Polisi	18
19.0	Tarikh Kuatkuasa	19

PENUTUP

Rujukan

Lampiran 1:

Carta Alir Prosedur Mengurus
Pendedahan di Bawah Polisi
Perlindungan Pemberi
Maklumat JPSM

21

PENGENALAN

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) komited kepada nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam menjalankan aktiviti Jabatan. Kesalahan seperti penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut mekanisma dalaman.

JPSM juga menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur dengan mewujudkan prosedur-prosedur dalaman untuk menangani sebarang masalah. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM ini dibangunkan dengan mengambil kira perundangan yang diamalkan bagi mengadaptasi prinsip dan amalan yang bersesuaian dengan keadaan semasa di JPSM serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memerangi rasuah dan kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan semua aktiviti di JPSM.

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM merupakan satu kaedah di mana pendedahan dilaksanakan oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan warga kerja JPSM. Polisi ini dirangka selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] bagi membolehkan seseorang untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku atau apa-apa tingkah laku yang tidak wajar (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 711).

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM menunjukkan komitmen JPSM dan warganya dalam mencapai tahap etika dan pematuhan undang-undang. Mengintegrasikan Polisi ini ke dalam amalan dan budaya kerja akan membantu untuk menghalang penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan dan kesilapan pengurusan. Melalui pelaksanaan Polisi ini secara efektif, JPSM dapat mengekalkan integriti dan bersedia berhadapan dengan persepsi dan penelitian awam. Ini seterusnya mempertingkatkan dan membina kredibiliti JPSM sebagai peneraju dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

1

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah, jenayah dan tatatertib.

2

Akta ini menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain serta mendapat perlindungan.

3

Akta ini turut memperuntukkan perlindungan kepada Pemberi Maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit Pemberi Maklumat, perlindungan terhadap Tindakan Yang Memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh Pemberi Maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.

4

Akta ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap Kelakuan Tidak Wajar dan terhadap aduan Tindakan Yang Memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah membuat perintah bagi Remedii.

OBJEKTIF POLISI

Objektif Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM ini dibangunkan adalah seperti berikut:

- i. Satu mekanisme dalaman bagi memudahkan warga kerja JPSM, pembekal atau mana-mana pihak luar untuk memberi maklumat berkaitan salah laku atau apa-apa tingkah laku tidak wajar warga kerja JPSM.
- ii. Satu langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga JPSM kepada undang-undang, kod etika, pekeliling dan peraturan terhadap aktiviti Jabatan.
- iii. Memberi ruang dan peluang kepada mana-mana individu untuk tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di kalangan warga kerja JPSM.
- iv. Memberi jaminan kepada mana-mana individu bahawa terdapat perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan di samping memelihara maklumat sulit individu.
- v. Menyediakan satu mekanisme rasmi yang selamat bagi tindakan yang akan diambil ke atas semua laporan Kelakuan Tidak Wajar yang diterima.
- vi. Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi apa-apa perkara Kelakuan Tidak Wajar yang dilaporkan.

TAFSIRAN

Agenzi Penguatkuasaan:

- i. Mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan termasuk suatu Unit, Seksyen, Bahagian, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.
- ii. Suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- iii. Suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.

Polisi

Merujuk kepada Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pemberi Maklumat

Mana-mana orang termasuk warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang menyalurkan maklumat Kelakuan Tidak Wajar kepada Pegawai Penerima Maklumat JPSM samada secara lisan atau bertulis.

Pegawai Penerima Maklumat

Ketua Unit Integriti merupakan Pegawai Penerima Maklumat, atau mana-mana pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia lain yang dilantik sebagai Pegawai Penerima Maklumat oleh Ketua Pengarah JPSM.

Perlindungan Pemberi Maklumat

Perlindungan yang diberikan kepada seseorang pemberi maklumat di bawah Akta 711.

Kelakuan Tidak Wajar (KTW)

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

Kesalahan Tatatertib

Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kesalahan Jenayah

Apa-apa kesalahan yang dilakukan dalam badan awam/ swasta yang melanggar peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

Maklumat Sulit

"Maklumat sulit" termasuklah:

- a)** Maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat bertugas atau tempat beradanya Pemberi Maklumat.
- b)** Maklumat yang didedahkan oleh seseorang Pemberi Maklumat; dan
- c)** Maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

Tindakan Yang Memudaratkan

Merujuk kepada Akta 711 iaitu "Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas."

Remedi

Cara atau kaedah yang digunakan untuk mengatasi masalah.

PEMAKAIAN

- 1.** Polisi ini terpakai ke atas semua warga JPSM dan pihak berkepentingan dalam JPSM.
- 2.** Polisi ini hendaklah disebarluaskan kepada semua kakitangan JPSM dan pihak berkepentingan JPSM serta dimuat naik di dalam laman web JPSM (www.forestry.gov.my).
- 3.** Polisi ini juga boleh dijadikan panduan oleh pemegang taruh atau mana-mana individu/ organisasi ketika berurusan dengan JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).
- 4.** Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, Pemberi Maklumat juga boleh membuat apa-apa laporan salah laku kepada agensi penguatkuasaan undang-undang di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat.

SKOP

Skop Polisi ini meliputi semua salah laku yang telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di JPSM yang jika terbukti:

- i. Menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang; dan
- ii. Menjadi suatu kesalahan tatatertib sekiranya melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Kod Etika JPSM.

Antara skop salah laku yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:

- i. Menawar / memberi / meminta / menerima apa-apa rasuah;
- ii. Salah guna kuasa termasuk melibatkan manfaat kepada diri sendiri, saudara dan sekutu;
- iii. Penyelewengan antaranya seperti berikut:
 - Membuat/ memperakukan/ mengemukakan tuntutan palsu;
 - Pecah amanah jenayah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan;
 - Penyalahgunaan aset JPSM;
 - Penipuan;
 - Pemalsuan;
 - Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau benda yang mempunyai kaitan dengan suatu siasatan; dan
 - Lain-lain kesalahan jenayah;

- v. Pelanggaran Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Kod Etika JPSM serta mana-mana Polisi, peraturan dan prosedur JPSM antaranya seperti berikut:

- Tidak hadir bekerja tanpa sebab/ tidak mematuhi waktu bekerja;
- Gangguan seksual / khawat;
- Tidak mengisyiharkan harta / tidak mengemaskini pemilikan harta baru atau pelupusan harta;
- Menggunakan ubat terlarang/ penagihan dadah;
- Menjalankan pekerjaan lain tanpa kebenaran Ketua Jabatan;
- Keluar negara tanpa kebenaran Ketua Jabatan;
- Pengurusan kewangan yang tidak cekap menyebabkan kerugian/ pembaziran kewangan JPSM;
- Mendedahkan / menyalahgunakan maklumat sulit JPSM / Kerajaan;

PROSEDUR MENYALURKAN MAKLUMAT KEPADA PEGAWAI PENERIMA MAKLUMAT

Maklumat boleh disalurkan dengan menggunakan salah satu kaedah seperti berikut:

- i. Bersemuka/ hadir sendiri berjumpa dengan Pegawai Seksyen Aduan, Unit Integriti Perhutanan
- ii. Mengemukakan aduan menerusi sistem e-aduan integriti perhutanan
<https://www.forestry.gov.my>
- iii. Email aduan ke: uip@forestry.gov.my
- iv. Menghantar Surat Aduan kepada:

Unit Integriti Perhutanan
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50660 Kuala Lumpur

Menghubungi talian: **03-2616 4488**

- v.
- Pemberi maklumat perlu mengemukakan butiran berikut:**
- i. Nama
 - ii. Nombor Kad Pengenalan
 - iii. Alamat email
 - iv. Alamat lengkap surat menyurat
 - v. Alasan munasabah untuk laporan termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan seperti tarikh, lokasi, jenis kesalahan, identiti pesalah dan lain-lain maklumat berkaitan.



Mana-mana maklumat tanpa butiran seperti di atas yang menyebabkan Pemberi Maklumat tidak boleh dihubungi seperti surat layang, JPSM berhak mengabaikan atau tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap maklumat yang telah disalurkan itu.

Sebarang maklumat yang hendak disalurkan hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut atau sebahagian daripada butiran-butiran berikut dan Pemberi Maklumat wajib mendedahkan maklumat berkenaan secara jujur dan suci hati ("good faith"):

1. Nama dan pekerjaan orang yang melakukan Kelakuan Tidak Wajar.
2. Tempat atau lokasi Kelakuan Tidak Wajar itu berlaku.
3. Tarikh dan masa Kelakuan Tidak Wajar itu berlaku.
4. Apakah jenis Kelakuan Tidak Wajar yang telah atau sedang berlaku.
5. Jika ada nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan bagaimana untuk menghubungi saksi-saksi tersebut.
6. Sokongan bukti berkaitan dengan Kelakuan Tidak Wajar seperti dokumen-dokumen dan lain-lain.

Pemberi Maklumat mungkin akan diminta tampil secara bersemuka (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan yang lebih lanjut mengenai laporan aduan yang disalurkan.

TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI

1. Unit Integriti Perhutanan bertanggungjawab untuk menerima maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar dan menguruskan laporan Kelakuan Tidak Wajar.
2. Segala maklumat atau aduan ini akan diteliti dan tindakan lanjut akan diambil sewajarnya berdasarkan peruntukan kuasa sedia ada.

SIASATAN TERHADAP KELAKUAN TIDAK WAJAR

1. Pegawai Penerima Maklumat akan menapis dan menilai sesuatu maklumat/ pendedahan itu untuk memastikan sama ada maklumat/ pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku dalam skop Polisi ini.
2. Pegawai yang dilantik akan menyediakan laporan awal dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Pegawai Penerima Maklumat menerima maklumat / pendedahan itu.

Jika tiada kesalahan dibuktikan, pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan dan tiada tindakan lanjutan terhadap maklumat yang disalurkan.

Carta Alir Prosedur Mengurus Pendedahan di bawah Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM adalah seperti di **LAMPIRAN 1**

KATEGORI PEMBERI MAKLUMAT

Dalam

- i. Kakitangan JPSM
- ii. Kakitangan Kontrak
- iii. Kakitangan Sementara

Luar

- i. Pembekal
- ii. Orang Awam / Pihak Luar

ELEMEN UTAMA PEMBERI MAKLUMAT

1. Pemberi Maklumat mempunyai pengetahuan mengenai maklumat kerana diri sendiri yang mengalami sendiri Kelakuan Tidak Wajar tersebut atau dicerita / diberitahu oleh orang lain yang Pemberi Maklumat yakin dan percaya kepadanya.
2. Membuat pendedahan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan (“no wrong door policy”) / melalui saluran dalaman JPSM.
3. Pendedahan tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT YANG DILINDUNGI

1. Pemberi Maklumat bersedia untuk dikenali oleh Pegawai Penerima Maklumat
2. Pemberi Maklumat hadir sendiri dan berjumpa Pegawai Penerima Maklumat sama ada di Pejabat atau mana-mana tempat.
3. Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/ email, Pemberi Maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana boleh dihubungi.

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Setelah pendedahan disalurkan, Pemberi Maklumat akan dilindungi mengikut Polisi ini seperti berikut:

- i. Hanya Pegawai Penerima Maklumat sahaja mengetahui identiti Pemberi Maklumat termasuk jawatan, alamat tempat kerja, alamat kediaman dan lain-lain yang berkaitan akan dirahsiakan dan dilindungi oleh Polisi ini.
- ii. Semua laporan salah laku adalah disifatkan dan diklasifikasikan sebagai SULIT. Kandungan laporan salah laku tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya seperti Agensi Penguatkuasa Undang-Undang, Pasukan Penyiasat, Ahli Lembaga Tatatertib dan Ahli Pengurusan Tertinggi JPSM untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan.
- iii. Sebarang maklumat lanjut diperlukan daripada Pemberi Maklumat oleh mana-mana pihak seperti Jawatankuasa Siasatan, Pihak Pengurusan JPSM dan sebagainya hendaklah melalui Pegawai Penerima Maklumat sahaja.

Perlindungan terhadap Tindakan Yang Memudaratkan:

- i. Tiada seorang pun boleh mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap seseorang Pemberi Maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat itu sebagai tindakan balas terhadap pendedahan Kelakuan Tidak Wajar.
- ii. Seseorang Pemberi Maklumat boleh menyalurkan aduan kepada mana-mana agensi Penguatkuasaan sekiranya terdapat apa-apa tindakan yang memudaratkan.

JENIS-JENIS PERLINDUNGAN

Antara jenis-jenis perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta 711 adalah:

- 1 **[Seksyen 7(1)(a) Akta 711]** - Identiti Pemberi Maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.
- 2 **[Seksyen 7(1)(b) Akta 711]** - Pemberi Maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut
- 3 **[Seksyen 7(1)(c) Akta 711]** - Pemberi Maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat.
- 4 **[Seksyen 7(2) Akta 711]** – Pemberi Maklumat tidak terjejas sekiranya pendedahan tidak wajar itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatatertib atau pendakwaan terhadap orang yang didedahkan.
- 5 **[Seksyen 7(3) Akta 711]** - Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan Pemberi Maklumat.

PEMBATALAN POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JPSM

Pemberi Maklumat akan menikmati perlindungan di bawah Akta 711 apabila Pemberi Maklumat mendedahkan Kelakuan Tidak Wajar (aduan). Walau bagaimanapun, Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM akan TERBATAL di bawah keadaan seperti yang berikut:

- i. Pada saat Pemberi Maklumat mendedahkan Kelakuan Tidak Wajar dia sudah menikmati perlindungan di bawah Akta 711 ini.
- ii. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan oleh Seksyen 11 Akta 711 ini.
- iii. Merujuk kepada Akta 711 dibawah Perenggan 11(1)(F) antara sebab-sebab suatu Perlindungan Pemberi Maklumat boleh dibatalkan adalah seperti yang berikut:
 - **Perenggan 11(1)(a)** – jika Pemberi Maklumat memberi alasan bahawa dia tidak tahu dia terlibat dengan Kelakuan Tidak Wajar yang didedahkan atau telah dipaksa untuk turut sama terlibat dalam Kelakuan Tidak Wajar tersebut Perlindungan Pemberi Maklumat hendaklah juga dibatalkan di bawah perenggan 11(1)(a). Terpulanglah kepada Pemberi Maklumat untuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan untuk membantu dalam penyiasatan dan menjadi saksi jika perlu sebagai “plea bargain” untuk melepaskan dirinya daripada turut didakwa;
 - **Perenggan 11(1)(b)** – Sekiranya sesuatu maklumat yang didedahkan adalah:
 - (a) Berdasarkan kepercayaan munasabah Pemberi Maklumat tersebut; atau
 - (b) Pemberi Maklumat tersebut tidak tahu bahawa maklumat tersebut tidak benar, dia tidak perlu menentukan sama ada maklumat tersebut adalah benar atau tidak kerana pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dibuat adalah bersandarkan kepada pengetahuan yang munasabah oleh Pemberi Maklumat itu;

Dalam kedua-dua kes ini, Perlindungan Pemberi Maklumat tersebut kekal:

- **Perenggan 11(1)(c)** – penentuan sama ada sesuatu pendedahan adalah remeh-temeh bergantung kepada fakta kes. Garis panduan tentang perkara yang terjumliah kepada remeh-temeh hendaklah disediakan oleh agensi penguatkuasaan dengan bantuan Penasihat Undang-Undang atau Timbalan Pendakwa Raya berdasarkan amalan sedia ada dan nas-nas kes mahkamah;
- **Perenggan 11(1)(d)** – Agensi penguatkuasaan hendaklah memperoleh maklumat jelas bahawa pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut dibuat semata-mata untuk mempersoalkan, mempertikaikan, menganggu atau menjelaskan pelaksanaan dasar Kerajaan sebelum memutuskan untuk membatalkan perlindungan dibawah perenggan ini;
- **Perenggan 11(1)(e)** – Agensi penguatkuasaan hendaklah membuktikan bahawa Pemberi Maklumat telah membuat pendedahan untuk menghalang Jabatan atau majikannya mengambil tindakan terhadapnya berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukan olehnya sebelum pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut. Dalam keadaan ini, agensi penguatkuasaan hendaklah berpuas hati dengan rangkaian keterangan yang dapat mewujudkan pertalian antara pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut untuk menghalang tindakan diambil keatas kesalahan yang telah Pemberi Maklumat tersebut lakukan;
- **Perenggan 11(1)(f)** – hasil siasatan Agensi Penguatkuasaan menunjukkan bahawa Pemberi Maklumat telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711 iaitu sama ada:
 - (a) Mendedahkan maklumat sulit; subseksyen 8(4).
 - (b) Membuat pernyataan palsu; seksyen 21.
 - (c) Menghalang pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawabnya; seksyen 22.
 - (d) Memusnahkan, memalsukan dan sebagainya dokumen; seksyen 23.
 - (e) Bersubahat atau percubaan untuk melakukan kesalahan dibawah Akta ini; seksyen 24

SIASATAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

1. Siasatan akan dibuat dan sesiapa yang terlibat dalam mengambil Tindakan Yang Memudaratkan terhadap Pemberi Maklumat seperti bawah [Seksyen 10 Akta 711], akan dikenakan tindakan seperti di bawah [Seksyen 10(6) Akta 711].
2. Tindakan Yang Memudaratkan adalah seperti berikut:
 - i. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - ii. Ugutan atau gangguan;
 - iii. Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian; dan
 - iv. Suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan Seksyen 10(5)(a)-(c). iaitu
3. Tindakan Yang Memudaratkan adalah seperti berikut:
 - i. Jika tiada kesalahan dibuktikan, Pemberi Maklumat hendaklah dimaklumkan dan tiada tindakan lanjut terhadap maklumat tersebut;
 - ii. Jika ada kesalahan tatatertib, hendaklah mengemukakan laporan pada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan; dan
 - iii. Jika ada kesalahan jenayah, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Agensi Penguatkuasaan berkaitan.

PERMOHONAN REMEDI

Apabila Pemberi Maklumat mendapat ancaman atau diambil Tindakan Yang Memudaratkan, beliau boleh meminta Agensi Penguatkuasaan memohon remedi daripada mahkamah seperti [Seksyen 15 Akta 711] iaitu:

- i. Ganti rugi atau pampasan;
- ii. Injuksi; atau
- iii. Apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

PEMATUHAN POLISI

Polisi ini WAJIB dipatuhi oleh semua warga kerja JPSM.

1

Pelaksanaan Polisi ini berbentuk “internal declaration” dan dibacakan bersekali dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 yang sedang berkuatkuasa.

2

Kerahsiaan semua perkara yang dibangkitkan dan identiti Pemberi Maklumat adalah dilindungi di bawah Polisi ini.

3

TARIKH KUATKUASA

1

Pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM berkuatkuasa mulai Januari 2023

2

JPSM mempunyai hak untuk meminda Polisi ini dari semasa ke semasa.

PENUTUP


Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JPSM ini adalah salah satu inisiatif Jabatan dalam memastikan JPSM mempunyai mekanisme kawalan dalaman yang sistematik dan selari dengan undang-undang dalam usaha untuk membendung salah laku warga JPSM.

Polisi ini secara jelas menerangkan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku salah laku rasuh, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran kepada peraturan-peraturan di dalam JPSM.

RUJUKAN

- 1 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].
- 2 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993/ P.U (A) 395/1993.
- 3 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia.
- 4 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri.
- 5 Polisi Pemberi Maklumat FELDA (*FELDA Whistle Blowing*), Edisi kedua (2018).
- 6 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- 7 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Jabatan Pertanian.

CARTA ALIR PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN DI BAWAH POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JPSM





**JABATAN PERHUTANAN
SEmenanjung MALAYSIA**

Jalan Sultan Salahuddin
50660 Kuala Lumpur

Telefon:
03-26164488

Faks:
03-26925657

Laman web:
www.forestry.gov.my